



TERMA DAN SYARAT SEWAAN TAPAK

1. Semua kadar harga adalah untuk sewaan tapak sahaja, tidak termasuk peralatan lain.
2. Tertakluk kepada Undang-undang Kecil Taman dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya.
3. Pengesahan tempahan sekurang-kurangnya 3 minggu sebelum program.
4. 50% daripada keseluruhan kadar sewa yang dikenakan hendaklah dibayar semasa pengesahan tempahan, manakala bakinya hendaklah diselesaikan pada atau sebelum hari program dijalankan.
5. Tempahan oleh agensi kerajaan menerusi pesanan perolehan hendaklah dikemukakan ke kaunter bayaran sebelum program berlangsung.
6. Bayaran tempahan boleh dituntut sekiranya pembatalan dilakukan selewat-lewatnya 3 hari sebelum program dijalankan dan caj pengurusan dikenakan sebanyak 10% daripada kadar sewa keseluruhan.
7. Bayaran tempahan tidak boleh dituntut sekiranya pembatalan dilakukan kurang daripada 3 hari sebelum program dijalankan.
8. Tambahan 30% bayaran dikenakan untuk penggunaan antara 6.00 pm hingga 10.00 pm dengan mendapat kelulusan khas daripada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya.
9. Tambahan 50% bayaran dikenakan untuk penggunaan melebihi 10.00 pm dengan mendapat kelulusan khas daripada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya.
10. Pengecualian bayaran diberikan kepada organisasi OKU, rumah anak-anak yatim, sekolah pendidikan khas dan lain-lain rumah kebajikan.
11. Perbadanan Putrajaya berhak menukar sebarang kadar melalui notis pemberitahuan yang munasabah.

TERMA DAN SYARAT PENGGAMBARAN DAN FOTOGRAFI

1. Kadar harga adalah untuk penggambaran, tidak termasuk sewaan tapak dan peralatan lain.
2. Tertakluk kepada Undang-undang Kecil Taman dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya.
3. Permohonan perlu dilakukan sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum penggambaran.
4. 50% daripada keseluruhan kadar bayaran yang dikenakan hendaklah dibayar semasa pengesahan tempahan, manakala bakinya hendaklah diselesaikan pada atau sebelum hari penggambaran dijalankan.
5. Bayaran tempahan boleh dituntut sekiranya pembatalan dilakukan selewat-lewatnya 3 hari sebelum aktiviti penggambaran dijalankan dan caj pengurusan dikenakan sebanyak 10% daripada kadar bayaran keseluruhan.
6. Bayaran tempahan tidak boleh dituntut sekiranya pembatalan dilakukan kurang daripada 3 hari sebelum aktiviti penggambaran dijalankan.
7. Tambahan 30% bayaran dikenakan untuk penggambaran selepas 6.00pm sehingga 10.00pm dengan mendapat kelulusan khas daripada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya.
8. Tambahan 50% bayaran dikenakan untuk penggunaan melebihi 10.00 pm dengan mendapat kelulusan khas daripada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya.
9. Perbadanan Putrajaya berhak menukar sebarang kadar melalui notis pemberitahuan yang munasabah.